

SSB: PM tunggu semakan JPA

5 JUN 2002

Oleh MOHD ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 4 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau perlu menunggu semakan terbaru Sistem Saraan Baru (SSB) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum membuat keputusan mengenainya.

Perdana Menteri berkata, Jawatankuasa Gaji dan Jawatan Kakitangan Sektor Awam yang dipengeruskannya telah mengemukakan cadangan balas kepada JPA hari ini.

Beliau memberitahu keputusan akan dibuat secepat mungkin sebaik sahaja jabatan itu menghantarnya semula.

“Saya menunggu JPA mengemukakan cadang-

an yang disemak dan pihak jawatankuasa telah memberi mandat kepada saya untuk mengkaji sendiri dan membuat keputusan secepat mungkin,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi keempat Majlis Dialog Belanjawan 2003 di pejabatnya di sini hari ini.

JPA pagi ini memberikan taklimat kepada Dr. Mahathir mengenai hasil kajian tersebut.

Ia merupakan taklimat kedua selepas Dr. Mahathir telah meminta jabatan tersebut menghalusi beberapa aspek dalam laporan itu.

Jika hasil laporan awal

diterima, kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan sebanyak RM1 bilion.

SSB yang diperkenalkan pada 1992 menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan kakitangan awam berhubung sistem kenaikan gaji dan pangkat.

Mengikut sistem jadual matriks dalam SSB, hanya lima peratus anggota perkhidmatan awam layak menerima pergerakan gaji secara menegak dan melintang setiap tahun.

CUEPACS menuntut sistem matriks dihapuskan secara automatik kerana mendakwa 95 peratus daripada kakitangan awam kecewa dengan sistem itu.

Kesatuan itu turut mendesak supaya kerajaan memperkemas atau merombak SSB yang dikatakan tidak adil kepada kakitangan awam.

JPA pada awal tahun ini telah mengemukakan laporan mengenai semakan semula SSB kepada Dr. Mahathir setelah memperkemas bersama CUEPACS.

Mengulas lanjut mengenai taklimat semakan SSB daripada JPA hari ini, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji berkata:

“Kita (jawatankuasa) telah mendengar taklimat daripada JPA tentang cadangan-cadangan jabatan itu dan beberapa keputusan yang belum dapat saya umumkan.”